



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
29 Januari 2026





ISU harga lantai upah penghantar makanan masih belum menemui noktah sekali gus menjadi masalah membelenggu rider.

Akta Pekerja Gig bakal jadi separuh masak

KUALA LUMPUR – Ketiadaan harga lantai untuk penghantar makanan akan menyebabkan Akta Pekerja Gig berisiko menjadi undang-undang separuh masak kerana gagal menangani isu paling asas yang membelenggu rider.

Selagi kadar lantai tidak ditetapkan, kuasa mutlak kekal di tangan syarikat platform dan penunggang terus terdedah kepada eksploitasi.

Persatuan Perpaduan Rakan Penghantar Malaysia berkata, ia merupakan keperluan asas untuk melindungi kebajikan rider yang berdepan kadar upah makin menurun, tidak seimbang dengan kos sara hidup, penyelenggaraan kenderaan dan risiko di lapangan.

Katanya, oleh sebab itu mereka terus mendesak kerajaan supaya segera menetapkan harga lantai p-hailing yang masih menjadi beban.

“Kami bimbang terhadap pembentukan Majlis Perundingan Gig (MPG) yang diperuntukkan di bawah Akta Pekerja Gig, khususnya mengenai keanggotaan majlis berkenaan kerana mereka sepatutnya mengutamakan suara akar umbi dan bukan didominasi pihak berkepentingan,” katanya dalam satu kenyataan.

Jawatankuasa Gerakan Badan Bertindak Sahabat E-hailing Malaysia pula menyifatkan kenyataan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan pada 26 Januari lalu

“

Kami bimbang terhadap pembentukan Majlis Perundingan Gig (MPG) yang diperuntukkan di bawah Akta Pekerja Gig, khususnya mengenai keanggotaan majlis berkenaan kerana mereka sepatutnya mengutamakan suara akar umbi dan bukan didominasi pihak berkepentingan.”

sebagai mengelirukan.

Katanya, rujukan kepada gaji minimum nasional RM1,700 tidak wajar disandarkan kepada pekerja gig kerana perintah gaji minimum itu hanya terpakai kepada pekerja di bawah Akta Kerja 1955, sedangkan pekerja gig tertakluk kepada Akta Pekerja Gig 2025.

Terdahulu, Ramanan dilaporkan berkata, kerajaan belum bercadang menetapkan satu kadar harga lantai tetap bagi setiap perjalanan perantara, namun perniagaan platform e-hailing dan p-hailing boleh mengambil langkah menyalaras bersama pekerjanya.

Akhbar	The Star
Tarikh	29 Januari 2026
Ruang	Views
Muka Surat	12

Mitra back under human resources oversight

THE Malaysian Indian Transformation Unit (Mitra) has once again been transferred back to the Human Resources Ministry, *Malaysia Nanban* reported.

This was announced by Datuk Seri R. Ramanan who now heads the ministry after a Cabinet shuffle in December.

This marks the eighth change in the agency's oversight in the last 18 years since its formation.

The agency was initially set up as a Cabinet Committee on Indian Participation in Government Programme and Projects in 2008.

Four units formed under the committee in 2014 were merged as Socioeconomic Development of Indian Community (Sedic) in 2017, and rebranded to Mitra the following year.

Mitra was placed under the Prime Minister's Department (JPM), then seconded to the Unity Ministry before reverting to JPM.

Ramanan assured that Mitra will not waver from its focus to serve the Indian community.

Moving forward, the agency will publish details of all its programmes on its website in the interest of transparency.